



KOPI PAHIT

Menteri Pelajaran Khir nampaknya tegas akan menggunakan kuasa-kuasa darurat untuk menangkap sesiapa sahaja yang cuba untuk menentang undang-undang bahasa kebangsaan sekiranya yang demikian merosakkan keamanan. Orang hanya berkata, bung Khir, selagi ada kuasa di tangan buatlah!

*

Sukarno, yang dahulunya hingga dipandang setaraf nabi dan dipandang pula oleh parti Islam yang ikut dalam pemerintahan sekarang sebagai wali al-amri- nampaknya sudah habis – hanya tinggal sebagai orang kebanyakan sahaja. Ini patutnya menjadi contoh kepada orang-orang yang berkuasa atau memegang kekuasaan.

*

Dewan Bahasa adalah jadi gelanggang politik dan istilah-istilah bahasa yang baharu banyak yang tidak di faham, kata Tengku. Betul Tengku kerana, ya kerana Tengku tak boleh jadi ukuran, Tengku bukan ahli bahasa bukan? Hal ini lepaskan kepada ahlinya.

*

Berpuluh-puluh tahun, siang malam Syed Nasir menuaikan tugas kepadanya dan dengan sebab yang sedikit, beliau diketepikan! Inikan namanya habis manis hampas dibuang dan lupa kacang kepada kulit? Kalau cara ini dibuat di dalam masyarakat kita mungkin nanti orang tak ada mahu lagi berkorban dan bekerja kerana bangsa! Tidakkah akan jadi begitu Tengku?

Sebaik dan sebijak-bijak perbuatan di dalam hal yang kusut ialah menarik rambut di dalam tepung – itulah sebaik-baiknya daripada ribut-ribut sebab, ya sebab walau pun rakyat tidak bersuara mereka mempunyai hati!

*

Abdul Rahman Ya'kub bilang penuntut-penuntut janganlah melibatkan diri di dalam politik - belajar cari ilmu buat diri dan buat masa depan dan buat berkhidmat kepada negara! Betul! Betul! Bagus! Bagus! tetapi pemuda-pemuda zaman sekarang tak boleh ditegur tak boleh dilarang! Pemuda tiang negara dan kerana pemuda yang jadi penuntutlah Sukarno tumbang! Apakah pemimpin-pemimpin di sini takut dengan darah muda yang menyala-nyala yang tetap akan menggantikan tempat yang tua-tua dengan jiwa yang dinamik?! Masa akan menentukan!

*

Cikgu Muhammad Noor Ahmad di Pulau Pinang sekali lagi dikeluarkan dari UMNO - dahulu kerana menentang dasar Tengku dan sekarang kerana menentang Rang Undang-undang Bahasa! Orang luar sebagai penonton hanya melihat dan memerhati bahawa mana yang tak bersetuju dengan kehendak pucuk pimpinan "sapu bersih"- tidak payah diterangkan dan dipujuk-pujuk lagi. Apakah ini tidak membawa akibat-akibat buruk kemudiannya?! Allah yang lebih mengetahui!

*

Singapura sekarang berkerajaan sendiri. Orang Melayu Singapura mestilah merapatkan diri dan

menjadi penghuni di Singapura.

Inilah nampaknya boleh difaham yang dikehendaki oleh En. Othman Wok.

Dengan kerana itulah beliau membantah

campur tangan Tengku atas orang-orang

Melayu Singapura sekalipun mereka

tidak hanya serumpun tetapi juga

sedarah daging. Orang-orang Melayu

Singapura hendaklah tahu dan

mestilah mensesuaikan diri dalam

hal ini kalau tidak...ya! Kalau

tidak rasa sendiri sahaja ujar

Tun Abdul Razak mendesak ketua-ketua

jabatan kerajaan mengadakan pemeriksaan

mengejut terhadap pegawai-pegawai bawahannya

supaya jentera kerajaan berjalan

lancar. Betul Tun! Ini sebaik-baiknya

tetapi kerana banyak belanja-belanja pembangunan

dibuat jangan hanya pegawai atasan

memeriksa pegawai bawahannya tetapi

hendaklah juga ada pemeriksaan-pemeriksaan

mengejut kepada pegawai-pegawai atasan kerana

mereka sama-sama bukan?

*

Di tanah air kita ini semenjak

dari dahulu, dari zaman mula

tahu berpolitik apabila golongan

anak Melayu, bumiputera negeri ini

berjuang dan memperjuangkan hak

keutamaannya disebut perjuangan mereka

perjuangan "perkauman". Dengan

senjata perkauman apa juga hak

yang difikirkan mustahak untuk

keselamatan mereka tidak boleh

dijalankan dan akhirnya...akhirnya...

siapa berjuang untuk bangsa (bukan

kaum) Melayu diperkatakan perjuangannya

perjuangan perkauman. Habis bagaimana?

Orang bertanya – maksudnya bagi

rata-rata sama-sama siapa kuat dia

jaya, siapa berani dia dapat dan

sesudahnya? Ya sesudahnya bagaimana

....? *sapa lu sapa gua.*

Cemeti Al-Farouk